



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

Ibu Pejabat Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Teknologi Maklumat
Aras 5 Utara, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 3, Persiaran Perdana, Presint 2
62596 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon : +603 8882 2100
Faks : +603-8889 2597
Laman Web : www.customs.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : KE.HK(-)145/09-1-5 Klt.3 (92)
Tarikh : 26 Rabiulakhir 1444H
21 November 2022

Dagang Net Technologies Sdn. Bhd.
Dagang Net Tower, Block 10 (A&B) Corporate Park
Star Central, Lingkaran Cyberpoint Timur, Cyber 12
63000 Cyberjaya, Selangor
(u.p. Encik Che Zalman bin Che Noh)

Faks : 03 – 8230 6969

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) Sdn. Bhd
2360 Persiaran APEC
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
(u.p. Encik Razif bin Abd. Aziz)

Faks : 03 – 8318 7608

Tuan/ Puan,

**KEPERLUAN SISTEM *FRONT-END* BAGI PELAKSANAAN PERJANJIAN
*COMPREHENSIVE AND PROGRESSIVE AGREEMENT FOR TRANS-PACIFIC
PARTNERSHIP* (CPTPP) MENGGUNAKAN KOD TARIF PERINTAH DUTI KASTAM
(PDK) 2022 DI DALAM SISTEM MAKLUMAT KASTAM (SMK)**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Teknologi Maklumat (BTM), Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah diarahkan untuk membuat persediaan bagi pelaksanaan CPTPP menggunakan PDK 2022 di dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan Sistem *Authorized Economic Operator* (AEO). Pelaksanaan *Free Trade Agreement* (FTA) ini dijangka berkuatkuasa pada 29 November 2022.

3. Sehubungan dengan itu, dipohon kerjasama untuk mengemas kini data-data kod tarif bagi FTA menggunakan senarai kod tarif PDK 2022 yang telah diedarkan kepada

pihak tuan/ puan dan membuat penambahbaikan pada sistem *front-end* yang terlibat mengikut keperluan sistem di dalam pengiklanan Kastam 1, Kastam 2 dan Kastam 9 seperti berikut:

- i. Mewujudkan **Special Treatment Code** yang baharu bagi modul pengiklanan Kastam 1, Kastam 2 dan Kastam 9 untuk CPTPP iaitu kod 'L' (CPTPP); dan
- ii. Sistem *Front-end* perlu memastikan pengiklanan Kastam Import yang menggunakan **Transaction Type 'S'** (*Import With Preferential Tariff*) dan pengiklanan Kastam Eksport yang menggunakan **Transaction Type 'XS'** (*Export With Preferential Tariff*) mengikrar kod tarif yang betul mengikut jadual di bawah:

| Transaction Type | Special Treatment Code | Country Of Origin Code | Kod Tarif Yang Perlu Diikrar |
|--|-------------------------------|---|-------------------------------------|
| S (<i>Import With Preferential Tariff</i>) | L (CPTPP) | AU – Australia, BN - Brunei, CA – Canada, CH – Chile, JP – Japan, MY – Malaysia, MX – Mexico, NZ - New Zealand, PR – Peru, SG – Singapore, dan VN - Viet Nam | PDK 2022 (Kod tarif 10 digit) |
| Transaction Type | Special Treatment Code | Final Destination | Kod Tarif Yang Perlu Diikrar |
| XS (<i>Export With Preferential Tariff</i>) | L (CPTPP) | AU – Australia, BN - Brunei, CA – Canada, CH – Chile, JP – Japan, MY – Malaysia, MX – Mexico, NZ - New Zealand, PR – Peru, SG – Singapore, dan VN - Viet Nam | PDK 2022 (Kod tarif 10 digit) |

4. Oleh yang demikian, dimohon pihak tuan/ puan untuk mengambil tindakan yang sewajarnya dan memanjangkan perkara ini kepada *business partner*, *Enterprise Application Integration* (EAI) *user* dan klien-klien yang terlibat di bawah kendalian pihak tuan/ puan.

5. Perhatian dan kerjasama pihak tuan/ puan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ASTA BIN ALI)
Bahagian Teknologi Maklumat
b.p Ketua Pengarah Kastam
MALAYSIA